



## LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA Malaysian Palm Oil Board (MPOB)

# POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING)

## PENGENALAN

Pemberi Maklumat (*Whistleblowing*) merupakan satu kaedah di mana pendedahan dibuat oleh seseorang mengenai apa-apa pelanggaran integriti dan salah laku oleh warga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

### TUJUAN POLISI

- Untuk memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh bertanggungjawab dan mengikut prosedur dalaman dan saluran yang betul.
- Untuk melindungi Pemberi Maklumat dari sebarang tindakan balas akibat dari pendedahan yang dibuatnya dan melindungi maklumat peribadi beliau.
- Untuk berlaku adil terhadap Pemberi Maklumat dan pesalah yang dilaporkan.

### SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN

- Warga MPOB, orang awam (termasuk pemegang taruh MPOB) dan penjawat awam yang lain.

### APA YANG BOLEH DI -DEDAHKAN

- Penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah;
- Kesalahan jenayah;
- Gangguan seksual (*Sexual harrassement*);
- Salah guna wang atau harta MPOB;
- Kesalahan tata tertib;
- Kesilapan pengurusan yang melampau dalam MPOB;
- Ketirisan kewangan yang serius dalam MPOB;
- Satu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar dan spesifik kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga MPOB atau orang awam atau keadaan persekitaran;
- Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana peruntukan Akta 605 dan peraturan serta *Standard Operating Procedure* (SOP) yang berkuatkuasa dari masa ke semasa; dan
- Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesemua/mana-mana kesalahan di atas.

### KEBOLEHGUNAAN POLISI

- Polisi ini terpakai kepada semua anggota MPOB, orang awam termasuk pemegang taruh MPOB dan Penjawat Awam yang lain.

### KERAHSIAAN

- MPOB akan memastikan bahawa identiti dan maklumat peribadi pemberi maklumat dilindungi pada setiap masa dan disimpan secara rahsia, sehingga ke satu tahap yang munasabah melainkan jika ianya dikehendaki oleh undang-undang. Dalam kes sedemikian, MPOB akan memaklumkan berkenaan pendedahan tersebut kepada pemberi maklumat sebelum identiti mereka didedahkan.

### PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

- Seorang pemberi maklumat akan diberi perlindungan dan identitinya akan dirahsiakan, setakat yang munasabah ianya dapat dilaksanakan. Perlindungan sedemikian tetap akan diberikan walaupun siasatan kemudian mendedahkan bahawa pemberi maklumat itu silap mengenai fakta, peraturan dan prosedur yang terlibat.



## BAGAIMANA PENDEDAHAN BOLEH DIBUAT

✉ Emel: [unit.integriti@mpob.gov.my](mailto:unit.integriti@mpob.gov.my)

☎ 03-8769 4776 / 03-87694779

🗨 Bersemuka

✉ Surat

Ketua Pengarah  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) No.6, Persiaran Institusi  
Bandar Baru Bangi 43000 Kajang, Selangor

(U.P: Ketua Unit Integriti )



Malaysian Palm Oil Board



MPOB\_tweets



Malaysian Palm Oil Board



mpob\_ig



[www.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)